



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 14

RABU, 17 JULAI, 1963

رابعو 26 صفر 1383

PERCHUMA

Brunei Tidak Menanda Tangani Perjanjian Malaysia

D. Y. M. M. DAN WAKIL2 BRUNEI BALEK DARI LONDON

Beribu2 Orang Menyambut Baginda

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan dan rombongan telah selamat kembali ka-Brunei dari London pada hari Isnin 15 Julai, 1963.

Beribu2 orang ra'ayat Baginda dan lain2-nya telah datang membanjiri Lapangan Terbang Brunei di-Berakas untuk mengalu2kan dan mengucapkan selamat kembalinya kepada Baginda dan rombongan.

Baginda dan rombongan sa-ramai 15 orang telah berangkat ka-London pada 2 Julai yang lalu atas jemputan Baginda Queen.

Tujuan keberangkatan Baginda ia-lah atas rundingan2 mengenai kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia apakala rundingan2 antara Malaya dan Brunei di-Kuala Lumpur telah

menemui jalan buntu.

Antara ahli2 rombongan ka-London itu termasuklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Maun, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Brunei Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Timbalan Setiausaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Peguam Negara Brunei, Inche Idris Talog Davis.

Sa-panjang rundingan2 di-London itu di-jalankan nyata-lah bahawa Brunei tidak dapat memasuki persekutuan baharu itu di-sebabkan atas dua sharat yang tidak dapat di-laksanakan oleh Persekutuan Tanah Melayu.

Sharat2 itu ia-lah :

- (a) Kemasokan Brunei hendaklah mengikut sharat2 perundingan yang bebas dan
- (b) kedudukan istimewa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan hendaklah di-perlindungi dan ra'ayat Baginda di-iktiraf dan di-perlindungi menurut jaminan2 yang telah pun di-berikan oleh Kerajaan Malaya kepada Baginda beberapa bulan yang lalu.

Dato Setia Marsal dalam perutusan-nya dari London antara lain telah mengatakan bahawa sa-hingga upacara menandatangani perjanjian Malaysia di-London itu, rombongan Brunei tidak dapat mengambil bahagian

di-upacara tersebut.

Sementara itu dalam satu temu ramah pemberita Pelita Brunei dengan Dato Setia Marsal di-Rumah Jerembak sa-jurus sa-telah beliau tiba, beliau menjelaskan bahawa kemungkinan Brunei akan mengadakan lagi rundingan2 dengan Malaya ada-lah terpulang kepada kebijaksanaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Mengenai berita2 yang mengatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan rundingan dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Tuan Duncan Sandys dan mengadap Baginda Queen itu, beliau memberitahu bahawa ia-nya tidak tahu. Duli Yang Maha Mulia telah mengadap Baginda Queen hanya-lah sebagai tanda persahabatan, tegas Dato Setia Marsal lagi.

Mengenai perhubungan Brunei dengan negeri2 yang menjadi anggota dalam Malaysia itu, Dato Setia Marsal berkata bahawa pada masa ini Brunei memang berhubung rapat dengan Malaya dan apakala munculkan Malaysia kelak tentu-lah Brunei akan tetap dengan perhubungan baik itu dengan negeri2 tersebut.

Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah membentangkan serba sa-dikit berkenaan sekitar perundingan di-London itu, dalam satu pertemuan dengan beliau.

Beliau berkata sa-bagaimana ra'ayat di-negeri ini mengetahui bahawa kemasokan Brunei ka-dalam Malaysia itu ada-lah suatu kebajikan andai-nya sharat2 yang di-tentukan oleh Duli Yang Maha Mulia itu di-persetujui oleh Kerajaan Malaya.

Tetapi, sambong beliau, hasil perundingan tersebut tidak membolehkan Brunei untuk menyertai ka-dalam Persekutuan Malaysia. Kedua2 sharat yang tersebut tidak dapat di-persetujui oleh Malaya.

Tegas beliau sa-terus-nya bahawa sa-panjang rundingan berjalan Duli Yang Maha Mulia ada-lah lebih mementingkan atas soal ra'ayat Baginda terutama tentang untung nasib ra'ayat masa depan.

Mengenai Brunei masa depan pula orang ramai dapat mengagak bahawa ra'ayat tiap2 negeri di-dunia ini ingin mendapat kebahagiaan dan kesentosaan.

Brunei juga ingin hendak melepaskan diri dari apa jua chorak penjajahan, dan dari itu-lah Brunei hendak mencapai kemerdekaan melalui Malaysia. Tetapi gagal.

Brunei, ujar beliau, terpaksa berdiri di-atas tapak kaki-nya sendiri.

Kemudian Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menyeru seluruh ra'ayat supaya sentiasa dalam keadaan tenang dan sabar. Bersama2-lah kita menghadapi nasib Brunei masa hadapan, kata beliau.

Ra'ayat, kata beliau sa-lanjutnya, hendaklah sedar akan kewajipan masing2 dan bebanan seluruh ra'ayat di-negeri ini ada-lah berat dan bukan hanya pandai memekakkan merdeka sahaja.

Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf juga telah menafikan berita yang di-siarkan oleh akhbar2 Malaya yang mengatakan bahawa kegagalan Brunei untuk memasuki Malaysia adalah di-sebabkan Duli Yang Maha Mulia mementingkan diri Baginda sendiri.

Ini, tegas beliau, ada-lah tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Sa-balek-nya Duli Yang Maha Mulia tidak sa-dikit pun berazam hendak menjadi Yang Dibertuan Agong walau pun takdir-nya giliran Baginda tiba.

Niat sa-demikian tidak sa-dikit pun terlintas di-fikiran Duli Yang Maha Mulia dan Baginda sendiri pernah menegaskan tentang ini, kata lagi Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf.



DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA MAULANA AL-SULTAN SIR OMAR ALI SAIFUDDIN kelihatan sedang turun dari kapal terbang pada masa Baginda dan rombongan perwakilan Negeri Brunei kembali ka-Brunei dari London pada hari Isnin 15 Julai, 1963.

"Oh Bahasa Melayu! Berkembang-lah Engkau Di-Seluruh Tanah Ayer..." - Kata Tuan Haji Jamil

BANDAR BRUNEI. — "Oh Bahasa Melayu! Berkembang-lah engkau di-seluruh Tanah Ayer untuk menjadi pujaan kepada berbelah bagi." Demikian kata Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Bahagian Bahasa dan Pustaka Jabatan Pelajaran, Brunei ketika memberi ucapan di-majlis menyampaikan Sijil2 Trengkas dan menaip kepada penuntut2 Melayu dan juga Sijil2 Bahasa Melayu kepada penuntut2 bangsa asing.

Majlis itu telah di-adakan di-Brunei Hotel di-sini pada petang hari Khamis 4 Julai, 1963 dan di-hadiri oleh ramai para penuntut tersebut serta orang2 yang di-jemput ka-majlis itu.

Sa-belum Tuan Haji Jamil di-jemput memberi ucapan di-majlis tersebut satu ucapan telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Inche Muhammad bin Ja'afar, Pengerusi, Jawatan Kuasa Penyampaian Sijil Darjah Dewasa, Brunei.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Inche Abu Na'im bin Muhammad Said, bagi pehak pelajar2 trengkas di-Negeri Brunei dan oleh Inche Teo Ah Hoon bagi pehak pelajar2 darjah2 dewasa yang bukan Melayu pada tahun lalu.

Sijil2 kepada pelajar2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Inche Malcolm MacInnes.

Tuan Haji Jamil berkata dalam ucapan-nya itu bahawa beliau berasa gembira untuk memberi ucapan di-majlis tersebut sambil menegaskan bahawa ada berbagai2 perkara yang menggirangkan dan mengembirakan-nya, terutama mengenai hal2 perkembangan dan kemajuan Bahasa Melayu di-negeri ini.

BAHASA RASMI

Beliau menambah kata, "Bahasa Melayu, sa-bagai yang termaktub d a l a m Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pada 29 September, 1959 ada-lah menjadi Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan yang tunggal di-negeri ini.

"Chita2 Kerajaan dalam hal ini, tidak-lah berupa suatu chata-tan yang tinggal begitu sahaja, malah ia telah di-usahakan dengan saganap daya dan tenaga.

"Dalam meneruskan usaha ini Kerajaan telah menganjorkan Minggu Bahasa Kebangsaan dalam bulan April 1961, sa-bagai kempen untuk penerangan dan penjelasan kepada ra'ayat di-negeri ini, hal mana ternyata mendapat sambutan yang wajar dari saganap lapisan masyarakat di-negeri ini.

"Pada tahun 1962, suatu sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pula telah di-adakan sa-chara besar2an dan kesan2 dari kedua2 kempen itu memang sa-kali lalu tidak jelas di-pandang, tetapi sa-bagai satu peristiwa, ia akan

terikat dalam kenangan kita dalam menghadapi perjuangan mendaulatkan kembali Bahasa Ibunda."

Tuan Haji Jamil berkata lagi, "Memang banyak kesangsian yang kita temui dalam masa kita melaksanakan chita2. Itu ada-lah sudah teradat kepada alam. Umpama-nya bila mana Kerajaan merasmikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan mensharatkan Bahasa Melayu sa-bagai satu rukun untuk menchapai taraf kera'ayatan, sa-tengah2 orang yang kurang faham akan maksud Kerajaan dan tidak menyedari akan kedudukan Bahasa Melayu itu telah khuatir kerana takut kalau2 ia tidak dapat menchapai taraf itu."

BAHASA KEBANGSAAN

Berhubung dengan hal tersebut, Tuan Haji Jamil menegaskan bahawa sa-saorang ra'ayat bagi sa-sabuaah negeri itu ada-lah sangat perlu mempunyai Bahasa Kebangsaan negeri itu sendiri dan ra'ayat itu hendak-lah memikirkan bahawa Bahasa Kebangsaan negeri itu ada-lah Bahasa Kebangsaan-nya sendiri.

Jika sa-kira-nya mereka tidak memahami dan memikirkan sa-demikian, perpaduan ra'ayat negeri itu tidak dapat di-perkokkan kerana ta'at setia mereka itu tidak dapat di-tumpukan dengan sa-penoh-nya kepada yang satu di-sebabkan anggapan mereka kepada Bahasa Kebangsaan itu telah berbelah bagi.

Maka sebab itu-lah, kata Tuan Haji Jamil, sangat di-perlukan kepada tiap2 penduduk yang hendak menjadi warga negara mempelajari Bahasa Melayu supaya

perasaan dan anggapan-nya bulat kepada satu, bahawa: Negeri itu — negeri-nya. Bahasa itu — bahasa-nya. Kebangsaan itu — kebangsaan-nya sendiri.

Ketika memberi penerangan berkenaan dengan Darjah2 Dewasa Bahasa Melayu, Tuan Haji Jamil menerangkan bahawa Darjah2 Dewasa Bahasa Melayu itu telah pun di-adakan di-negeri ini sejak dari tahun 1959 dan apa bila Pejabat Bahagian Bahasa dan Pustaka mula dapat menjalankan kerja2-nya pada bulan Ogos 1962, maka hal itu makin di-giatkan lagi oleh kerana Pegawai yang bertanggung jawab telah bertambah dan peluang itu telah di-buka sa-makin luas kepada orang2 yang bukan Melayu di-negeri ini untuk memudahkan mereka belajar.

MENJUNJONG

Sa-terus-nya Tuan Haji Jamil berkata bahawa sharat2 ujian Bahasa Melayu bukan hanya dikenakan kepada orang2 yang bukan Melayu, akan tetapi juga dikenakan kepada Bangsa Melayu yang bukan berasal penduduk negeri ini.

"Saya perchaya tuan2 dan puan2 dan orang2 lain yang bukan Melayu berpendapat bahawa bukan hanya mempelajari Bahasa Melayu itu untuk mendapatkan taraf kera'ayatan sahaja, tetapi yang lebeh utama juga sa-bagai ra'ayat, ia harus-lah menjunjong sa-penoh-nya kehendak2 dan tatatertib sa-sabuaah negeri sa-um-pama Brunei ini.

"Sa-bagai ra'ayat yang baik, mereka akan memandang negeri ini sa-bagai negeri mereka sendiri, Bahasa Kebangsaan-nya ia-itu Bahasa Melayu sa-bagai bahasa mereka sendiri dan menumpukan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan tidak berbelah bagi, kerana hanya dengan demikian sahaja-lah ta'at setia dan perasaan persafahaman yang tulin boleh di-dapati.

"Memandang kepada hal2 sa-umpama ini-lah menjadi tujuan



TUAN HAJI JAMIL

besar Kerajaan negeri ini dengan melalui Pejabat Bahagian Bahasa dan Pustaka, menyeru kepada sa-genap lapisan masyarakat supaya menyokong gerakan Bahasa Kebangsaan di-segala bidang dan itu-lah tujuan besar dari Darjah2 Dewasa Bahasa Kebangsaan di-adakan," kata lagi Tuan Haji Jamil.

Ketika menamatkan ucha-nya, Tuan Haji Jamil telah menyampaikan tahniah beliau kepada penuntut2 Melayu yang telah berjaya dalam peperiksaan akhir tahun 1962 dalam bahagian2 trengkas dan menaip serta juga kepada penuntut2 yang bukan Melayu yang telah lulus d a l a m peperiksaan Bahasa Melayu.

KEJAYAAN

Beliau berharap sa-moga kejayaan penuntut2 itu akan menjadi chontoh yang baik kepada pelajar2 yang sedang belajar di-darjah2 itu pada masa sekarang.


"Hendak-nya upacara penyampaian sijil ini akan menjadi suatu perkara yang besar artinya dalam kemajuan dan perkembangan Bahasa Melayu sa-bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negeri ini. Kerana dengan hanya menuturkan satu bahasa yang sama sahaja-lah maka perpaduan, persafahaman dan suatu masyarakat yang ter-ator dalam suasana yang harmoni boleh di-dapati kelak.

"Biar-lah kita berlainan asal keturunan dan keperchayaan, tetapi suatu tali muhibbah, ia-itu berchakap dengan satu Bahasa Kebangsaan yang tunggal yang mempereratkan perpaduan kita sa-bagai ra'ayat negeri ini. BAHASA JIWA BANGSA," katanya lagi.

MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Inche N.H. Peterson, sa-orang Juruhebah Radio Australia di-Sydney telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei, Sabah, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Tujuan lawatan-nya itu ia-lah kerana menchari bahan mengenai Persekutuan Malaysia untuk siaran Radio Australia dalam bulan Ogos hadapan.



Beberapa orang ahli ilmu tumbuhan di-bawah anjoran UNESCO telah melawat ka-Brunei pada hari Khamis yang lalu dalam bidang lawatan mereka ka-beberapa buah negara. Sa-bilangan di-antara mereka kelihatan dalam gambar ini bergambar dengan Pegawai Kehutanan Negara, Brunei, Inche Ja'afar bin Hassan (nombor tiga dari kiri) di-Lapangan Terbang Brunei.

MESHUARAT PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

BANDAR BRUNEI.—Penghulu2 dan Ketua2 Kampung Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan meshuarat bulanan-nya bertempat di-Bilek Mahkamah di-sini pada 4 Julai, 1963.

DEWAN BELIA HADIAH BENDERA

BANDAR BRUNEI.—Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Bandar Brunei telah menghadiahkan lima helai Bendera Negeri Brunei kepada Persatuan Pengakap2 Brunei untuk di-kibarkan oleh Perwakilan Pengakap2 Brunei di-Perkhema-an Pengakap2 Sa-Dunia di-Athens, Greece pada masa Wakil2 Pengakap2 tersebut menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 itu pada bulan Ogos hadapan.

Hadiah tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Bandar Brunei, Inche Ong Kim Kee kepada Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Inche P.A. Coates di-majlis jamuan makan bulanan Dewan Belia itu baharu2 ini.

Inche Coates telah mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Bandar Brunei terhadap hadiah yang sangat2 di-hargakan itu oleh Pengakap2 dalam negeri ini.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Sunny bin Ahmat telah memimpin meshuarat tersebut.

Berbagai2 chadangan telah di-kemukakan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampung dalam meshuarat itu.

Di-antara chadangan2 tersebut ia-lah mengenai perkara memperbaiki keadaan kampung masing2 yang termasuk dalam rancangan Projek Luar Bandar.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampung tersebut telah membincangkan sa-chara panjang lebar shor dari Pejabat Pertanian Negara mengenai penubuhan Persatuan Peladang2 Di-Negeri Brunei.

INCHE PARSHAD

BANDAR BRUNEI.—Inche P.A. Parshad, sa-orang Guru di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah memberi snarahan yang menarek hati berkenaan dengan masalah pelajaran kepada anggota2 Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Bandar Brunei sa-dikit hari dahulu.

Beliau telah mengadakan penyelidikan berkenaan masalah2 pelajaran yang sesuai untuk kanak2 di-United Kingdom dan India sa-belum berkhidmat dengan Kerajaan Brunei.

REKRUT2 PULIS KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI.—Sera-mai 40 orang pemuda yang telah di-pilih baharu2 ini untuk ber-khidmat dengan Pasokan Pulis Negeri Brunei, telah berlepas dengan kapal laut dari Brunei ka-Singapura pada 8 Julai dalam perjalanan ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Mereka akan berlateh di-Pusat Latehan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur selama kira2 sem-bilan bulan.

Di-antara ramai orang yang telah berada di-Tambatan Kas-tam Diraja di-Bandar Brunei pada pagi hari tersebut untuk mengucapkan "Selamat Bela-yar" kepada rekrut2 Pulis terse-but ia-lah Pegawai Pemerintah Pasokan Pulis Daerah Brunei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.



Naib Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia, Inche Amalio de Jesus (nombor dua dari kanan) kelihatan dalam gambar ini di-bangunan Lapangan Terbang Brunei pada 8 Julai, 1963 pada masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei. Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Bandar Brunei, Inche Ong Kim Kee berdiri di-sa-belah Inche Amalio. Di-hujung kanan sa-kali ia-lah Inche Joe Smith, sa-orang Pegawai, Dewan Belia Antara Bangsa, Bahagian Bandar Brunei dan di-hujung kiri sa-kali ia-lah Inche Y.Y. Lee, Setia Usaha Agong, Dewan Belia Antara Bangsa, Negeri Sarawak.

NAIB YANG DIPERTUA DEWAN BELIA ANTARA BANGSA SA-DUNIA MELAWAT BRUNEI

BERAKAS.—Naib Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia, Inche Amalio de Jesus telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada hari Isnin 8 Julai dalam bidang lawatan-nya ka-beberapa buah negara di-Benua2 Asia, Australia, Eropah dan Amerika.

Yang Dipertua Dewan Belia Antara Bangsa Bahagian Bandar Brunei, Inche Ong Kim Kee dan beberapa orang anggota dewan belia itu telah menemui Inche Amalio pada masa ia tiba di-Lapangan Terbang Brunei.

Inche Amalio telah berangkat ka-Kuching pada petang 9 Julai.

Pada masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei, Inche Amalio telah mengadakan pertemuan dengan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja

Azam bin Raja Kamaralzaman; Yang Dipertua Majlis Belia Negeri Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; dan anggota2 Dewan2 Belia Antara Bangsa Bahagian2 Bandar Brunei dan Kuala Belait serta dengan beberapa orang yang lain.

KONGRES SA-DUNIA

Dalam satu pertemuan dengan Inche Amalio, ia berkata kepada Wartawan kita bahawa kongres Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia Kali Yang Ka-18 akan di-adakan di-Israel mulai dari 17 November hingga ka-24 November tahun ini.

Beliau berharap bahawa Dewan Belia Antara Bangsa Negeri Brunei akan dapat menghantar wakil2-nya ka-Kongres Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia itu kelak.

"Bapa" Pancharagam Pulis Brunei Balek Ka-Australia

BANDAR BRUNEI.—Bekas Pengarah Pancharagam Pulis Negeri Brunei, Inche R.E. House dan isteri-nya telah di-raikan oleh anggota2 Pancharagam Pulis Negeri Brunei di-satu "Majlis selamat berpisah" di-Kedai Makan Pulis di-sini pada malam Ahad yang lalu.

Sa-bagai tanda kenangan kepada Inche House terhadap jasa-nya kepada Pancharagam Pulis itu samanjak pancharagam itu di-lahirkan di-negeri ini kira2 enam tahun dahulu, anggota2 pancharagam itu telah menghadiahkan sa-buah chenderamata berupa sa-buah gong kepada Inche House.

Hadiah itu telah di-sampaikan kepada Inche House oleh Pegawai Pemerintah Pasokan Pulis Daerah Brunei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Sarjan Major Husain telah memberikan ucapan di-majlis itu bagi pekah semua anggota Pasokan Pancharagam Pulis Negeri Brunei.

Beliau telah mengucapkan "Selamat berpisah dan selamat balek ka-Australia" kepada Inche House dan isteri-nya.

Dalam ucapan-nya, Sarjan Major Husain berkata bahawa semua anggota Pancharagam Pulis Brunei mensifatkan Inche House sa-bagai "bapa mereka", kerana dengan pertolongan dan pengajaran Inche House, semua anggota pancharagam itu telah dapat meninggikan ilmu pengetahuan mereka dalam seni musik.

Inche House telah mengucapkan "Selamat tinggal" kepada semua "anak2nya" yang di-kasehi itu sambil mengeluarkan ayer mata-nya dan tidak dapat memberikan ucapan yang panjang.

Bagaimana pun beliau berharap sa-moga mereka-itu akan terus maju di-lapangan seni musik sa-tiap masa.

Inche House dan isteri-nya telah berangkat dari Brunei ka-Labuan pada hari Isnin 15 Julai dan dari sana telah belayar ka-Singapura dalam pelayaran mereka ka-Australia.

Penduduk2 Ulu Belait Berazam Meluaskan Ladang Padi

PENDUDOK2 di-pendalaman Sungai Belait tahun ini berazam untuk menambahkan lagi keluasan ladang padi dan mengutamakan padi paya dari padi bukit atau tugal. Mereka juga akan mulai berchuchok tanam sayor2an.

Keazaman ini timbul dari hasrat untuk mara ka-hadapan dalam mengorek langkah mengubah untong nasib dan membaiki chara kehidupan mereka di-ulu.

Dalam lawatan rasmi-nya ka-kampung2 di-Ulu Belait, Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail bersama2 dengan Penolong Pegawai Pertanian Inche Hussain bin Abdul Hamid telah mendesak penduduk2 di-pendalaman itu supaya mengutamakan padi paya dari pada bukit dan menambahkan lagi keluasan berpadi dari tahun2 yang sudah.

Ada banyak kebaikan-nya berpadi paya, mereka telah terang dan jelaskan kepada orang2 kampung.

Antara lain berpadi paya boleh mengeluarkan hasil yang lebih banyak dalam sa-ekar, lebih senang di-jaga, dan boleh di-lakukan di-atas tanah yang sama pada tiap2 tahun.

Dari sudut ekonomi tanah tidak mubazir. Tidak ada musaalah yang mungkin di-tempoh oleh pehak berkuasa kehutanan dan begitu pun pehak yang berkuasa tentang hal ehwal tanah.

Pada keseluruhan-nya lebih 60 peratus dari penduduk2 tahun ini bulat2 menumpukan tenaga mereka kepada berpadi paya dan yang lebih-nya itu (kerana ada antara-nya terlanjur memulakan tebasan tugal) membuat kedua2-nya.

Biasa-nya pada tahun2 yang sudah tiap2 sa-orang hanya berpadi sa-luas tiga ekar dan mulai tahun ini keluasan itu akan menjadi empat ekar dan lebih.

Ini ternyata bahawa sa-tiap penduduk di-Ulu Belait ada-lah mempunyai hasrat untuk lebih giat mengambil peranan masing2 dalam usaha kemajuan dan perkembangan negeri pada keseluruhan-nya.

Menurut Pengiran Momin penduduk2 di-pendalaman memang siap sedia untuk menerima nasihat dan pimpinan baik dari pehak kerajaan. Mereka lebih berbesar hati oleh kerana perusahaan mereka di-amal berat oleh pehak kerajaan.

Lebih2 lagi2 dalam beberapa bulan yang kebelakangan ini kampung2 mereka telah sering di-lawati oleh pegawai2 kerajaan yang termasuk antara-nya Timbalan Menteri Besar Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali sendiri.

Lawatan demikian memang perlu untuk lebih mengeratkan perhubungan antara penduduk2 yang terpenchil, dengan kerajaan.

Lebih2 lagi lawatan2 itu membawa fa'edah dan perubahan yang besar kepada mereka.

Penduduk2 di-ulu memang benar2 berkehendakkan penerangan dan pimpinan yang sehat; terhindar-lah kira-nya mereka dari pengaruh dan pimpinan yang menyesatkan yang akan merugikan ra'ayat jelata juga 'am-nya.

Dato Setia Pengiran Haji Ali pernah berkata sa-masa lawatan-nya ka-kampung2 di-Ulu Belait belum lama dahulu bahawa orang2 kampung hendak-lah sentiasa waspada dan berhati2 untuk menghindarkan diri dari terkeliru oleh kata2 manis dan janji2 lunak, tetapi palsu.

Lawatan pegawai Daerah Belait sa-lama lima hari minggu lepas itu agak meletehkan juga apabila perjalanan sa-jauh lebih dari 100 batu dengan menggu-

nakan moto jentera sangkut dari Kuala Belait hingga ka-Kampung Malilas tidak bagitu lichin. Lebih2 lagi keadaan sungai yang masoh semak dan kelompok2 karangan yang terdapat di-sapang-jang Sungai Belait.

Keadaan sungai dari Kuala Belait ka-Kampung Bukit Sawat tidak-lah bagitu buruk, tetapi kahulu dari sana keadaan sungai ada-lah agak sukar juga untuk moto2 jentera sangkut melintasi-nya. Di-sana sini terdapat sama ada pokok2 kayu tumbang yang merentangi sungai atau kelompok2 karangan.

Di-mana2 saja rombongan Pegawai Daerah itu tiba penduduk2 kampung nampak2-nya berasa besar hati dan ada kelihatan tanda2 bahawa mereka bersedia untuk berkerjasama dengan kerajaan bagi kepentingan yang dapat di-nikmati ramai.

Perlu juga di-sebutkan bahawa satu rombongan perubahan yang berasingan juga telah mengadakan lawatan ka-kawasan2 di-kampung2 pendalaman itu, minggu lepas.

Mereka ada-lah bertugas untuk mengadakan rawatan kepada orang2 sakit di-sana dan menyun-

tek penduduk2 sa-bagai langkah berjaga2 bagi melawan wabak penyakit ta'un atau cholera.

Kombongan perubahan itu telah mengambil masa agak lebih panjang sa-dikit. Tiap2 orang telah di-beri peluang untuk mendapat rawatan yang sa-wajar.

Antara kampung2 yang telah di-lawati oleh rombongan Pegawai Daerah itu termasuk-lah Kampung2 Bukit Sawat, Kuala Biadong, Sukang, Bukit Mawang dan Malilas.

Kampung Laid Lakang ia-itu sa-buah kampung kira2 10 batu lebih perjalanan berjalan kaki dari tebing sungai melalui hutan telah juga di-lawati.

Menurut anak2 kampung di-sana kali itu-lah sa-saorang Pegawai Daerah pernah melawat kasana.

Pegawai2 yang lain-nya dalam rombongan itu ia-lah pegawai kanan dari pejabat2 Hutan dan Tanah, Kuala Belait, masing2 dengan tugas yang berkaitan dengan pejabat mereka.

Ahli2 rombongan itu nanti di-jangka akan membuat laporan untuk di-panjangkan kepada ketua pejabat mereka masing2 di-ibu pejabat, Bandar Brunei.

SEJARAH TRENGKAS

OLEH ABU NA'IM
MOHD. SAID

(Sambongan dari keluaran yang lalu)

Mengikut surat itu bayaran pendahuluan masok ia-lah sa-banyak 20 Drachme (wang perak Greek lama) ia-itu bersamaan dengan \$51 Malaya.

Di-sini sa-kali lagi ahli2 Sejarah ragu2 untuk menetapkan sama ada system Egypt ini di-petek dari system Latin (Tiro) atau system Greek.

Kita telah di-terangkan oleh sejarah bahawa system Tiro ini ada-lah chekap untuk menangkap retak bunyi atau phonetic bahasa Latin yang berbelit2 bunyi-nya itu.

Dalam pada itu garisan2-nya masoh di-dalam keadaan yang kasar lagi dan banyak pula chara2 menulis-nya mithal-nya huruf "A", boleh di-tulis dalam empat chara dan huruf "M", boleh di-tulis dalam 16 chara.

Tetapi mengikut ahli2 sejarah, chara2 yang seperti itu bukan-lah ciptaan asal dari Tiro sendiri, malah ia-nya ada-lah merupakan satu perubahan yang telah di-buat dari satu masa kasatu masa oleh penulis2 yang mahir seperti Seneca, Ennius dan kepantasan semata2.

Sa-lain daripada Trengkas kaedah Tiro ini, ada ratusan kaedah lagi yang munchol ka-dalam dunia persuratan dengan berbagai2 bentuk, chara dan bahasa, tetapi mempunyai tujuan yang sama ia-itu untuk menchapai kepantasan menulis.

Menurut sejarah yang tegas, semua system2 Trengkas dalam dunia ini telah dapat di-bahagi-

kan kepada dua bahagian ia-itu Trengkas chara lama dan Trengkas chara modern atau chara baru.

Trengkas yang di-katakan chara lama itu ia-lah yang banyak memakai tanda2 yang mengandungi nama2 khas, mithal-nya perkataan "bulan", di-tulis dengan gambaran sa-haribulan, perkataan "mata hari", di-tulis dengan sa-biji bulatan seperti bola dan apabila sa-suatu meshuarat di-adakan, maka Juru Trengkas hanya melukis sa-buah muka meja panjang sahaja.

Ka-edah yang seperti ini, di-istilahkan sebagai Trengkas system Tiro.

Trengkas chara baru pula ada-lah di-tulis dengan berdasarkan garisan2 huruf mengikut retak bunyi sa-suatu perkataan, mithal-nya "emas" di-tulis "mas", "emak" di-tulis "mak" dan lain2 lagi.

Sa-lepas tahun 534 Masehi, Trengkas kaedah Tiro yang mashor itu telah mula merusot penggunaan-nya dan seterusnya lenyap dari dunia persuratan apabila jatoh-nya Kerajaan Rome.

Ini bukan bermaana yang orang2 Rome sudah merasa bosan dengan pemakaian Trengkas Tiro

itu, tetapi ada-lah di-sebab-ka bahawa dalam apa jua system Trengkas, maka Trengkas itu akan sentiasa berdamping rapat dengan bahasa, dan apabila bahasa itu luas penggunaan-nya, maka se-makin luas-lah penggunaan Trengkas yang menggunakan bahasa itu. Apabila bahasa itu tersekat, maka penggunaan Trengkas juga tersekat.

"HUJAN
DI-TENGAH
HARI"

Hal yang se-rupa ini-lah yang telah berlaku kepada negeri Rome yang mempunyai pemerintahan yang amat luas dalam dunia pada masa itu, tetapi malang-nya panas terik yang disangka sampai ka-petang itu rupa-nya hujan di-tengah hari. Kerajaan yang begitu kukuh telah musnah dan lebor, yang mengakibatkan bahasa-nya telah mendapat nasib yang sama.

Dari sejak tarikh itu-lah Trengkas Tiro lenyap dari muka dunia.

Sa-telah begitu lama Trengkas meninggalkan dunia persuratan, maka dalam tahun masehi 1180, Trengkas sekali lagi munchol.

(BERSAMBONG)

Sharikat Minyak Hadiah Pembesar Suara Kapada Masjid Bendahara

PULAU BARU-BARU.—Satu upacara menyampaikan alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kapada Masjid Bendahara, Pulau Baru-Baru telah diadakan di-halaman masjid itu pada pagi hari Jumaat 5 Julai, 1963 dengan di-saksikan oleh ramai penduduk2 Pulau Baru-Baru serta beberapa orang para jemputan.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan bagi pihak Sharikat Minyak Shell oleh Inche P.A. Coates, Wakil Sharikat Minyak Shell Berhad di-Bandar Brunei, kapada Imam, Masjid Bendahara, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Kadar, yang juga menjadi Penghulu Pulau Baru-Baru.

Masjid Bendahara itu telah dibuka dengan rasmi-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara kira2 10 min dahulu.

Inche Coates berkata dalam ucapan-nya bahawa Sharikat Minyak Shell berasa sangat sukachita menyampaikan alat2 pembesar suara itu kapada Masjid Bendahara dan berharap bahawa sa-moga hadiah itu akan membawa faedah kapada penduduk2 Islam di-Pulau Baru-Baru.

"Kemajuan Negeri Brunei akan menjadi besar jika sakira-nya kanak2 menggunakan peluang2 pelajaran yang di-beri oleh Kerajaan dan derma2 siswa yang di-beri oleh pihak2 yang lain, termasuk oleh Sharikat Minyak Shell dengan 'arif-nya," kata-nya.

Beliau menegaskan lagi bahawa Sharikat Minyak Shell bermaksud memberi pertolongan kapada kanak2 dalam negeri ini untuk menggiatkan pelajaran2 mereka.

Ketika menerima hadiah tersebut, Pengiran Haji Ismail telah mengucapkan beranyak2 terima kasih kapada Sharikat Minyak Shell yang telah menghadihkan alat2 pembesar suara kapada Masjid Bendahara sabagaimana yang Sharikat Minyak Shell itu telah menghadihkan-nya kapada masjid2 yang lain dalam negeri ini.

Pengiran Haji Ismail menambakkata bahawa penduduk2 di-Pulau Baru-Baru menghargakan hadiah alat2 pembesar suara itu dan berharap sa-moga hadiah itu akan menjadi kenangan sa-tiap masa.

Tuan Haji Kenot bin Awang, Setia Usaha Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei telah memberikan ucapan di-majlis itu bagi pihak Jabatan Hal Ehwal

Ugama Negeri Brunei.

Dalam ucapan-nya Tuan Haji Kenot telah mengucapkan beranyak2 terima kasih bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama kapada Sharikat Minyak Shell atas kesudian menghadihkan alat2

pembesar suara kapada Masjid Bendahara dan juga kapada lain2 masjid dalam Negeri Brunei.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Inche Abdullah bin Jambol, Ketua Kampong Pulau Baru-Baru dan Chegu Sani bin Haji Mohamed Daud, Guru Besar, Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru yang telah memimpin majlis tersebut.

Upacara menghadihkan alat2 pembesar suara itu telah di-tamatkan dengan baca'an do'a selamat oleh Pengiran Haji Ismail.



Gambar ramai ini telah di-ambil di-kawasan Masjid Bendahara, Pulau Baru-Baru pada 5 Julai, 1963 sa-lepas di-adakan upacara menyampaikan alat2 pembesar suara yang telah di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell kapada Masjid Bendahara.

Pasar Gembira Pengakap2 Belait

SERIA.—Persatuan Pengakap Daerah Belait telah mengadakan Pasar Gembira sa-lama tiga hari mulai dari hari Jumaat 5 Julai, 1963 di-kawasan Sokan Seria dengan mendapat sambutan yang

baik dari kalangan orang ramai.

Pasar Gembira itu telah diadakan untuk mengutip derma bagi menghantarkan Perwakilan Pengakap Brunei ka-Perkhemaan Pengakap Sa-Dunia di-Greece pada bulan Ogos hadapan.

Berbagai jenis permainan telah di-adakan di-temasha Pasar Gembira itu, di-antara-nya ia-lah melempar bola, meneka kachang dalam botol, lumba kuda kayu, meneka nama anak patong, membaling bola ping pong kadalam baldi dan menchari hadiah.

Satu gerai yang di-sukai ramai, bukan sahaja oleh kanak2 bahkan beberapa orang dewasa yang menonton ka-Pasar Gembira itu, ia-lah Gerai Lagu2 Permintaan.

Tiap2 lagu permintaan dikenakan bayaran 20 sen. Orang2

yang mengirinkan lagu2 permintaan di-beri peluang menyampaikan ucapan mereka kapada orang2 yang di-tujukan itu.

Sa-lain dari itu beberapa kedai di-temasha tersebut telah menjual bermacam2 jenis makanan dan minuman dengan bayaran yang berpatutan.

"MENUNTUT ILMU — PEKERJAAN YANG MULIA"

—Kata Inche Johari

KAMPONG KIULAP.—Menuntut ilmu itu ada-lah suatu pekerjaan yang mulia dan lagi di-suruh oleh ugama Islam, kata Inche Johari bin Abdul Razak, Penolong Pegawai Daerah Brunei /Muara pada masa beliau merasmikan pembukaan Darjah Dewasa Ugama di-Kampung Kiulap sa-dikit hari dahulu.

Dalam ucapan-nya, beliau menegaskan bahawa Nabi Muhammad telah bersabda bahawa menuntut atau belajar ilmu itu wajib atas tiap2 orang Islam lelaki dan perempuan dan sa-baik2 manusia ia-lah orang2 yang mempunyai pelajaran.

Inche Johari berharap sa-moga penuntut2 Darjah Dewasa Ugama itu akan memperolehi kejayaan di-lapangan pelajaran ugama Islam dan dengan hal yang sa-demikian dapat memberi faedah kapada mereka sa-tiap masa.

Murid2 Baharu

BANDAR BRUNEI.—Pendaftaran kanak2 baharu yang hendak belajar di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Sekolah Melayu Lela Menchanai, Sekolah Melayu Sungai Kebun dan Sekolah Melayu Pintu Malim sedang di-terima.

Ibu bapa dan penjaga kanak2 itu yang belum lagi mendaftarkan nama kanak2 itu ada-lah diminta mendaftarkan nama kanak2 kapada penghulu2 atau ketua2 kampong masing2 atau pun kapada Guru2 Besar Sekolah2 Melayu yang berdekatan dengan rumah2 mereka.

Pendaftaran kanak2 baharu itu akan di-tutup pada 1 Ogos, 1963 dan sa-lepas dari tarikh itu pendaftaran tidak akan di-terima lagi.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17 Julai hingga ka-hari Rabu 31 Julai, 1963.

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan K. Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

17	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55
18	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55
19	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55
20	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55
21	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
22	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
23	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
24	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
25	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
26	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
27	4.41	4.56	12.32	3.53	6.42	7.55
28	4.42	4.57	12.32	3.53	6.42	7.55
29	4.42	4.57	12.32	3.53	6.42	7.55
30	4.42	4.57	12.32	3.53	6.41	7.54
31	4.42	4.57	12.32	3.53	6.41	7.54

BERLATEH DI-MELAKA

BERAKAS. — Enam orang Pegawai2 Kastam telah berlepas dari Brunei dengan kapal terbang ka-Singapura pada hari Sabtu 29 Jun dalam perjalanan ka-Negeri Melaka untuk menghadhiri Kursus Pegawai2 Kastam di-Sekolah Latehan Kastam Persekutuan

Tanah Melayu.

Mereka ia-lah Awang Ibrahim bin Orang Kaya Di-Gadong, Pengiran Omar Ali bin Pengiran Sabtu, Pengiran Sidek bin Pengiran Mohamed Salleh, Inche Ng Chen Kee, Inche Omar bin Duah dan Inche Momin bin Sunggoh.

KERJA - KERJA KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-pela-put daripada chalon2 yang men-jadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pelajaran, Brunei:—

Hanya pemohon2 yang mem-punyai kelayakan2 berikut sa-haja akan di-pertimbangkan:—

(a) PEMANDU MOTOR SANGKUT/MEKANIK: (4 jawatan kosong)

(i) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengalaman memandu motor sangkut sa-lama beberapa tahun dalam sebarang sungai di-mana2 daerah.

(ii) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai sedikit pengetahuan me-nge-nai enjin motor sangkut dan boleh menjalankan pembaikan kecil.

Gaji: Dalam scale F.2-3-4-5-6 \$125x3-158-160-180x4-200.

(b) PENJAGA (13 jawatan kosong)

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun.

Tugas: Tugas jawatan ini ada-lah seperti yang di-tetapkan oleh Pengetua Sekolah.

Gaji: Dalam scale F.2-3-4 \$152x3-158-160.

(c) DREBAR TINGKAT II: (4 jawatan kosong)

(i) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 me-mandu yang berpatutan dan mesti-lah mempunyai

beberapa tahun pengala-man.

(ii) Pemohon2 mesti-lah ber-umur tidak kurang dari-pada 20 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun.

(iii) Chalun2 yang di-pileh mesti-lah boleh memandu kereta, bus, truck dan land-rover.

Gaji: Dalam scale F.5-6 \$180x4-200.

(d) TUKANG KEBUN: (18 jawatan kosong)

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun.

Gaji: Dalam scale F.1-2-3-4-5 \$143x3-158-160-180.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Ogos, 1963.

PENYELENGGARA SETOR

Pemohonan2 ada-lah di-jem-put daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan untuk berkhidmat sa-bagai Penyeleng-gara Setor Tingkat II di-Pejabat Laut, Brunei.

Kelayakan2: Lulus Form II Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu.

Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman se-kurang-nya 3 tahun dalam hal setor.

Gaji: Dalam Tingkatan D(a)1, D(b) 2-3-4-5 \$211-220 x 10-260-280-290 x 20-330, \$350-370-380. Gaji permulaan bergantung ke-pada kelayakan2 dan pengala-man.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-

kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 27 Julai, 1963.

Pemohonan2 daripada Pega-wai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka.

Penaksir Rumah

Pemohonan2 ada-lah di-jem-put daripada Pegawai2 Kerajaan bagi jawatan Penaksir Rumah bagi memenohi jawatan kosong tersebut di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji C(b) 2-\$570x30-750.

Kelayakan: Chalun2 mesti-lah dari ra'ayat Sultan yang sa-kurang2-nya telah lulus Form III Sekolah Inggeris dan Dari-h V Sekolah Melayu. Chalun2 j hendak-lah mempunyai seku-rang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kira-mengira mengenai nilai-nai chukai rumah yang di-kenakan oleh Jabatan Bandaran.

Hanya chalun2 yang mempu-nyai pengalaman yang di-sebut-nai sahaja di-kehendaki memo-hon.

Pemohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Per-jawatan, Brunei, hendak-lah di-alamatkan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, melalui Ketua2 Pejabat mereka tidak lewat dari 31 Julai, 1963.

KERANI TINGKAT "B"

Pemohonan2 ada-lah di-jem-put dari chalun2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau sa-siapa yang berhak untuk di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan bagi jawa-tan2 sa-bagai Kerani Tingkat "B" dalam Perkhidmatan Kerani Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2: Chalun2 bagi pe-lantikan mesti-lah berumur 17 tahun tetapi tidak sampai 25 ta-hun dan hendak-lah lulus seku-rang-nya Form III Sekolah In-ggeris.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji \$211-220x10-260-28-290 / exami-nation bar / 310-20-370-380 / bar 400x20-560.

Chalun2 yang di-pileh akan di-lantek atas perchubaaan dengan

gaji permulaan yang di-tetapan menurut kelulusan persekolahan mereka.

Terdahulu dari tamat-nya tem-poh perchubaaan mereka akan di-kehendaki mengambil pepereksaan ia-itu pepereksaan yang di-adakan bagi Kerani Perchubaaan.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 Julai, 1963.

Pemohonan2 daripada Pega-wai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Penolong Pegawai Perpustakaan

Pemohonan2 adalah di-jemput bagi jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Sultan Brunei dan mesti mempunyai pengeta-huan bahasa Inggeris sekurang2-nya lulus Form III dan pandai berbahasa Melayu termasuk tulis-an Jawi.

Gaji: Dalam tingkatan D(b)2-3-4-5 \$211-220x10-260-280-290x20-330. Gaji permulaan akan di-tentukan mengikut kela-yakan2 dan pengalaman pemo-hon.

Tugas: Chalun yang berjaya itu akan bertanggung-jawab kerana kelichinan susunan dan perjalanan Pustaka Maktab dan membuat lain2 kerja yang ber-kaitan dengan buku2 sabagai-mana yang di-arahkan oleh Guru Besar.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perjawatan Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 6 Ogos, 1963.

Pemohonan2 daripada Pega-wai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Pembinaan Jalan2 Baharu Di-Tutong

TUTONG.—Lima dari delapan jalan kecil di-Daerah Tutong telah siap di-bena pada tahun ini. Demikian menurut keterangan Pegawai Daerah Tutong, Inche Ali bin Awang Besar.

Jalan2 kecil yang sudah siap di-bena itu, kata-nya, ia-lah jalan2 Kampung Danau, Telam-ba, Kampung Bangunggong, Kam-pong Damit Pamadang dan jalan kecil dari Kampung Ukong ka-Sungai Damit Pamadang.

Inche Ali berkata bahawa satu jalan kecil lagi, ia-itu jalan dari Kampung Layong ka-Kampung Panchong yang-panjang-nya 265 rantai akan siap di-bena tidak berapa lama lagi.

Sementara itu dua jalan2 kecil lagi sedang di-bena dalam bulan ini. Jalan2 itu ia-lah dari Kuala Abang ka-Kampung La-yong dan dari Jalan Ukong ka-Bukit Udah.

Jika semua jalan2 kecil di-Daerah Tutong siap di-bena maka jumlah panjang jalan2 kecil itu ia-lah lebih kurang 40 batu yang berm'a-na bahawa itu-lah jalan2 kecil yang panjang sa-kali di-Negeri Brunei.

84 ORANG LAGI DI-BEBASKAN

BUNUT.—Seramai 84 orang2 tahanan telah di-bebaskan dari Pusat Pemulehan Sa-mula di-Bunut pada pagi 3 Julai sa-telah menjalani kursus pemulehan sa-lama enam hari.

Dari jumlah orang2 yang telah di-bebaskan itu, 64 orang ia-lah dari Daerah Brunei dan Muara, manakala 20 orang yang lain tinggal di-kampung2 di-Jalan Brunei ka-Tutong.

Ini-lah kumpolan yang ka-delapan bekas orang2 tahanan di-bebaskan dari Pusat Pemulehan Sa-mula di-Bunut. Dengan ini juga, maka bekas orang2 tahanan yang telah di-bebaskan dari Pusat Pemulehan Sa-mula di-Bunut berjumlah kepada 536 orang.

PEKERJA2 LUAR BATOK KERING

Pemohonan2 ada-lah di-jem-put untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pekerja2 Luar Batok Kering dalam Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan: (i) Pemohon2 mesti-lah sakurang2nya berumur 16 tahun. (ii) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak di-daftarkan sebagai ra'-ayat Sultan. (iii) Mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu Pasar. (iv) Mesti-lah lulus Dar-jah V Sekolah Melayu atau pun mempunyai pengetahuan Inggeris yang sa-taraf dengan Form II.

Tugas2: Chalun2 yang di-pileh akan di-tempatkan di-Klinik2 Batok Kering untuk menjalankan kerja2 melawan penyakit Batok Kering, misal-nya B.C.G., melaw-at rumah2 orang yang meng-hidap penyakit Batok Kering.

Sukatan Gaji: Chalun2 yang di-pileh akan berkhidmat sa-chara sa-bulan ka-sa-bulan dan khidmat-nya itu akan berakhir bila ranchangan melawan batok kering tamat.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pega-wai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 24 Julai, 1963.

PERTANDINGAN SOKAN BORNEO

A. Sibidol Dan George Chong Dari Brunei Berjaya

TANJONG ARU.—Gabnor Borneo Utara, Yang Terutama Sir William Goode telah merasmikan pembukaan Pertandingan Sokan Borneo Kali Yang Ka-Sembilan. Pertandingan sokan itu telah di-adakan di-Padang Lumba Kuda Jesselton di-Tanjong Aru pada hari Jumaat 12 Julai dan hari Sabtu 13 Julai dengan memperoleh hasil yang baik.

Borneo Utara telah menjadi johan bahagian lelaki dengan memperoleh sa-banyak 151 mata. Sarawak menjadi naib johan dengan mendapat sa-banyak 120 mata dan gelaran ketiga di-chapai oleh Negeri Brunei yang telah mendapat sa-banyak 92 mata.

Borneo Utara telah juga menjadi johan dalam bahagian wanita. Keputusan-nya ia-lah: Borneo Utara — 88 mata. Sarawak 64 mata dan Negeri Brunei 39 mata.

Meskipun Negeri Brunei telah mendapat gelaran ketiga dalam bahagian2 lelaki dan wanita di-pertandingan sokan tersebut, akan tetapi peserta2 yang mewakili Negeri Brunei di-pertandingan sokan itu telah tidak putus asa bertanding dengan bersungguh2 untuk memberi kemenangan kepada pasukan mereka.

Sayugia di-sebutkan bahawa "Orang Kuat Sokan Brunei" — A. Sibidol telah berjaya menjadi johan sa-kali lagi dalam pertandingan melempar peluru besi di-temasha Sokan Borneo tersebut, dengan membaling sa-jauh 41 kaki 10 inchi.

Ini-lah kali yang ka-sembilan Sibidol menyandang gelaran itu semenjak lahir-nya Pertandingan Sokan Borneo.

Pada tahun 1955 Sibidol telah membaling peluru besi itu sa-jauh 41 kaki. Pada tahun 1956 sa-jauh 44 kaki. Pada tahun 1957 sa-jauh 38 kaki 3½ inchi. Pada tahun 1958 sa-jauh 44 kaki 10 inchi. Pada tahun 1959 sa-jauh 43 kaki 9½ inchi. Pada tahun 1960 sa-jauh 41 kaki 6 inchi. Pada tahun 1961 sa-jauh 42 kaki 7 inchi dan pada tahun 1962 Sibidol telah membaling peluru besi itu sa-jauh 44 kaki 8 inchi.

Sibidol telah tidak berjaya menjadi johan dalam pertandingan2 melempar lembing dan melempar piring besi.

Dalam pertandingan melempar lembing Sibidol telah di-kalahkan oleh Frederick Fung dari Borneo Utara. Fung telah membaling sa-jauh 189 kaki 6 inchi, manakala Sibidol pula telah membaling sa-jauh 183 kaki. Bugis dari Sarawak telah mendapat gelaran yang ketiga dengan membaling sa-jauh 179 kaki 3 inchi.

Sungguh pun Sibidol menjadi naib johan dalam pertandingan tersebut, akan tetapi ia telah dapat mengatasi delapan rekod2 yang lama semenjak tahun 1955 yang telah di-chiptakan oleh Sibidol dalam tahun2 1955, 1956, 1957, 1958, 1959, 1961 dan 1962. A. Paran dari Sarawak telah menjadi johan pertandingan itu dalam tahun 1960.

Tahun lepas Sibidol telah melempar sa-jauh 170 kaki 10½ inchi.

Pertandingan melempar piring besi di-menangi oleh Eric Chin dari Borneo Utara yang telah melempar sa-jauh 121 kaki 4 inchi. Sibidol telah menjadi naib johan dengan melempar sa-jauh 117 kaki 8 inchi. Pada tahun lepas Sibidol telah melempar sa-jauh 126 kaki 2 inchi ia itu lebih jauh daripada jarak yang di-chapai oleh Eric Chin pada tahun ini.

George Chong, sa-orang ahli lompat bergalah yang terkenal dari Brunei, telah sa-kali lagi pada tahun yang ke-dua berturut2 menjadi johan dalam pertandingan lompat bergalah di-temasha sokan tersebut. George Chong telah melompat sa-tinggi 10 kaki 10½ inchi.

Dalam pertandingan lompat bergalah yang telah di-adakan di-temasha Sokan Borneo di-Kuching, Sarawak pada tahun 1962, George Chong telah melompat sa-tinggi 11 kaki 6 inchi dan mengatasi rekod Sokan Borneo pada tahun 1961 yang telah di-chiptakan oleh Joseph Chua dari Sarawak sa-tinggi 11 kaki 5½ inchi.

Joseph Chin dari Brunei telah

mendapat nombor 4 dalam perlumbaan lari sa-jauh 1,500 meter dan nombor 5 dalam lomba lari sa-jauh 5,000 meter.

Dilbagh Singh Kler dari Borneo Utara telah menjadi johan dalam perlumbaan sa-iauh 1,500 meter dengan mengambil masa 4 minit 10.7 sa'at, sa-terus-nya oleh Yii Tuan Hui (Sarawak), Joseph Mong (Borneo Utara) dan Joseph Chin (Brunei).

Dilbagh Singh Kler juga telah memenangi perlumbaan sa-jauh 5,000 meter dengan mengambil masa 16 minit 41.6 sa'at, diikuti oleh Yii Tuan Hui (Sarawak), Avtar Singh (Borneo Utara), Yii Tuan Meng (Sarawak), Joseph Chin (Brunei) dan Ibrahim Abdul Rahman. (Brunei).

Sungguh pun Ibrahim Abdul Rahman sa-orang pemuda dari Brunei telah mendapat gelaran yang ke-enam dalam perlumbaan sa-jauh 5,000 meter itu, akan tetapi ia telah mendapat kepujian daripada peminat2 sokan kerana kebolehan-nya dapat lari sa-jauh 5,000 meter dengan tidak menunjukkan kepenatan sa-telah ia sampai di-tempat penghabisan lomba lari itu.

Peminat2 sokan di-sini mempunyai penoh harapan bahawa Ibrahim akan berjaya di-temasha2 sokan pada masa hadapan dalam bahagian lari yang sa-bagitu jauh itu.

Isteri kapada Sir William Goode Gabnor Borneo Utara telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha Sokan Borneo itu.

Sokan Borneo Tahun 1964

JESSELTON.— Pertandingan Sokan Borneo di-antara Negeri2 Brunei, Borneo Utara dan Sarawak akan di-adakan pada tahun hadapan, jika sa-kira-nya Brunei masuk ka-dalam Malaysia atau pun tidak.

Pertandingan Sokan Borneo itu akan di-adakan di-Negeri Brunei dalam bulan Julai tahun hadapan kelak.



Satu pemandangan di-majlis menyampaikan hadiah2 Pertandingan Sokan Kejohanan Negeri Brunei di-Seria pada 30 Jun, 1963. Dalam gambar ini kelihatan Isteri kapada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf, Datin Hajjah Salmah, sedang menyampaikan hadiah kepada Maimun Salleh dari Kuala Belait yang telah menang lomba lari lompat pagar di-temasha sokan itu.



Gambar ini telah di-ambil di-Lapangan Terbang Brunei pada petang hari Khamis yang lalu sa-belum rombongan perwakilan Brunei berlepas ka-Jesselton untuk mengambil bahagian di-temasha Pertandingan Sokan Borneo.

Sambutan Hari Lahir Nabi Muhammad Di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Perayaan menyambut Hari Lahir Nabi Muhammad s.a.w. di-Daerah Belait pada tahun 1383 ini akan diadakan pada hari Juma'at 2 Ogos atau pada hari Sabtu 3 Ogos di-Seria, mungkin di-Kawasan Sokan Seria.

PARAJURIT2 BERCHUTI DI-TANAH AYER

BANDAR BRUNEI. — Seramai 52 orang parajurit2 Askar Melayu Brunei di-bawah pimpinan Lieutenant Awangku Ibnu bin Pengiran Apong telah kembali ka-Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu pada hari Selasa 9 Julai untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Parajurit2 tersebut telah di-sambut di-Labuan sa-masa tiba dari Singapura dengan kapal laut oleh Pegawai Perhubungan Askar Melayu Brunei, Major K. Riley pada pagi hari Selasa 9 Julai.

Mereka telah belayar dari Labuan ka-Brunei dengan kapal Bolkih pada pukul 10 pagi hari tersebut dan selamat sampai di-Tambatan Kastam Diraja Brunei hampir2 empat jam kemudian.

Askar2 Melayu Brunei tersebut akan berada di-Tanah Ayer selama kira2 sa-bulan. Kemudian mereka akan balek ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk meneruskan latihan di-sana pula.

Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Inche C.A. Buss, sa-orang pensharah mengenai hal ehwal politik di-Universiti Stanford, California, Amerika Sharikat telah melawat ka-Brunei pada minggu pertama bulan ini.

Keluarga Dusun Masok Islam

BUKIT SAWAT. — Satu keluarga puak Dusun di-Kampung Bukit Sawat, Ulu Belait, telah memeluk Ugama Islam pada malam 12 Julai, 1963.



Inche Kiflee bin Abdullah dan keluarganya.

Tuan Imam Mesjid Bukit Sawat, Awang Ali bin Osman telah melakukan upacara mengislamkan di-rumah Penghulu Kampung Bukit Sawat, Inche Sha'ari bin Karim dengan di-saksikan antara lain oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

NAMA2 BAHARU

Keluarga sa-ramai empat orang itu telah menggunakan nama2 Kiflee bin Abdullah, Kasmah binte Abdullah (isteri-nya), Abdul Aziz in Kiflee dan Mohammad Ali in Kiflee.

Ramai penduduk2 kampung itu termasuk-lah juga orang2 yang bukan Islam telah hadir dalam upacara yang mulia itu.

surat permohonan mereka nama pasokan, nama ketua dan alamat-nya yang terang, bilangan dan berapa pasokan.

Pemohonan2 itu hendak-lah di-kirinkan kapada: Tuan Syed Mashhor d/a Syed Othman, Jabatan Pos, Seria; atau Inche Aziz Malim, Pejabat Penerangan, Sharikat Minyak Shell, Seria; atau Pengiran Muhammad bin Pengiran Matserudin, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Belait atau kapada Inche Awang Mukim bin Hassan, Jabatan Perbandaran, Belait. Pemohonan2 mengambil bahagian akan ditutup pada hari Sabtu 27 Julai, 1963.

PEGAWAI2 BAHARU KESATUAN PEGAWAI2 TETAP KERAJAAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Inche Mohamed Yusof Tahir, Yang Dipertua Agong Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan, Brunei pada tahun 1962/1963, telah di-lantek sa-kali lagi dengan sa-chara undi 1963/1964, dalam meshuarat agong kesatuan itu di-Pangpong Boon Pang Baharu pada hari Juma'at yang lalu.

Lain2 Pegawai2 baharu Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan, Brunei yang telah di-lantek dalam meshuarat tersebut ia-lah.

Naib Yang Dipertua: Inche Mohsin bin Pukul (di-lantek sa-mula). Setia Usaha Agong: Pengiran Abbas bin Pengiran Haji Besar. Penolong Setia Usaha Agong Inche B.S. Andrews (di-lantek sa-mula). Bendahari Kehormat: Inche Chong Tet Kong (di-lantek sa-mula).

Ahli2 Jawatan Kuasa: Daerah Brunei — Inche Sahari bin Idris (di-lantek sa-mula), Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh (di-lantek sa-mula), Inche Johari

bin Abdul Razak dan Inche Mohamed bin Haji Saruddin. Daerah Belait/Seria — Inche Peter Lee (di-lantek sa-mula) dan Wan Shafie. Daerah Tutong — Inche Abu Hanifah dan Daerah Temburong — Inche Shamsudin Tahir.

Sa-banyak 13 usul mengandongi berbagai2 perkara telah di-kemukakan dalam persidangan tersebut. Majlis itu telah menerima 11 usul dan menolak 2 usul.

Meshuarat tersebut telah menerima dan mempersetujui Penyata Tahunan kesatuan itu bagi tahun 1963, perbelanjaan bagi tahun 1962/1963 serta memper-setujui perbelanjaan bagi tahun 1963/1964.

MENINGGAL DUNIA

BANDAR BRUNEI. — Dengan sedih di-beritakan bahawa Pengiran Momin bin Pengiran Omar Ali, chuchunda kapada Al-merhom Pengiran Di-Gadong, telah kembali ka-Rahamatullah Ta'ala pada malam 8 Julai di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Menurut 'Adat Istiadat Negeri Brunei, Bendera Negeri Brunei di-bangunan Pejabat2 Kerajaan telah di-kibarkan sa-paroh tiang pada hari Selasa 9 Julai.

Nobat Diraja juga telah di-tutup sa-lama tujuh hari mulai dari 9 Julai.

Alah yarham tersebut telah berkhidmat di-Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-lama enam belas tahun.

Jenazah Allah Yarham telah selamat di-kebumikan di-Makam, Diraja, Brunei pada 9 Julai.

PERLAWANAN SEPAK RAGA JARING

BANDAR BRUNEI. — Perlawatan Sepak Raga Jaring sa-chara pukul mati kerana merebutkan Perisai Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah diadakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 7 Julai.

Sa-banyak 12 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawatan sepak raga jaring itu.

Pasokan2 itu ada-lah mengandongi 3 pasokan dari Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei Satu, 4 pasokan Bahagian Brunei Dua, dan 5 pasokan dari Bahagian Seria/Belait.

Perlawatan itu telah tidak dapat di-tamatkan pada hari tersebut oleh kerana keadaan chuacha telah gelap.

Perlawatan2 suku akhir, sa-paroh akhir dan akhir akan diadakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Juma'at 19 Julai mulai pada pukul 4 petang.



Gambar ini telah di-ambil di-Pusat Penchubaaan Tanaman, Kilanas sa-lepas penuntut2 dari Daerah2 Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong yang menghadhiri kursus pertanian tamat berlatch sa-lama tiga bulan baharu2 ini. Dudok nombor lima dari kiri ia-lah Pegawai Pertanian Negara, Brunei Inche Hamidoon bin Awang Damit manakala lain2-nya yang dudok ia-lah Pegawai2 Pertanian yang telah memberi sharahan2 kapada penuntut2 tersebut. Semua penuntut2 tersebut kelihatan berdiri dalam gambar ini.